

**MAJLIS KONVOKESYEN KE 20  
PEPERIKSAAN SIJIL AMALAN GUAMAN 2014  
26 MAC 2015**

**UCAPAN YBHG. TAN SRI ABDUL GANI PATAIL  
PENGERUSI  
LEMBAGA KELAYAKAN PROFESION  
UNDANG-UNDANG, MALAYSIA**

Bismillahi Rahmani Rahim.

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Menghadap Duli Yang Maha Mulia,

Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan,

Sultan Nazrin Muizzuddin Shah

Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-

Lah.

**Ampun Tuanku,**

Patik dan Ahli-Ahli Lembaga Kelayakan amat berbesar hati kerana Duli Yang Maha Mulia Tuanku berkenan sekali lagi untuk berangkat hadir ke Majlis Konvokesyen kali ke 20, Peperiksaan Sijil Amalan Guaman Tahun 2014 yang telah dikendalikan oleh Lembaga Kelayakan Profesional Undang-Undang, Malaysia.

Patik dan Ahli-Ahli Lembaga Kelayakan dengan penuh hormat dan takzimnya, merafak sembah serta menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas limpah perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk berangkat ke Majlis ini dan menyampaikan Titah Ucapan. Semoga Duli Yang Maha Mulia Tuanku senantiasa berada dalam keadaan sihat dan dilimpahi rahmat oleh Allah Subhanahu Wa Taala.



**Ampun Tuanku,**

Patik pohon limpah perkenan Duli Tuanku untuk mengizinkan patik menyampaikan ucapan kepada para hadirin sekalian.

**Ampun Tuanku,**

Yang Arif Hakim-Hakim Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan,

Yang Arif Hakim-Hakim dan Pesuruhjaya Kehakiman, Mahkamah Tinggi,

Yang Arif dan Yang Berusaha Ahli-ahli Lembaga Kelayakan Profesional Undang-Undang, Malaysia,



Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri, Puan Sri-Puan Sri,

Dato'-Dato', Datin-Datin,

Para Lulusan dan Ibu Bapa, Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

para hadirin hadirat sekalian.

Marilah kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala kerana dengan limpah rahmat dan hidayahNya kita dapat berkumpul di Dewan ini bagi Upacara Penyampaian Sijil dan Hadiah untuk Konvokesyen ke 20 Peperiksaan Sijil Amalan Guaman 2014.

Bagi pihak Lembaga Kelayakan, saya ingin mengalu-alukan kehadiran Para Lulusan berserta keluarga dan para jemputan pada Majlis yang penuh bermakna ini.



Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati,

Lembaga Kelayakan Profesional Undang-Undang Malaysia adalah suatu badan berkanun yang diperbadankan oleh Akta Profesional Undang-Undang 1976. Lembaga ini bertanggungjawab menentukan kelayakan minimum bagi seseorang individu untuk diperakukan sebagai pengamal undang-undang. Dengan itu sesungguhnya Lembaga memikul tanggungjawab yang besar apabila melaksanakan Peperiksaan Sijil Amalan Guaman tahunan. Ini kerana, Peperiksaan ini merupakan pintu masuk (*gateway*) untuk begitu ramai peguam yang beraspirasi untuk menjadi pengamal undang-undang di Malaysia. Sehubungan itu, bagi tahun 2014 seramai **sembilan ratus lapan puluh (980) calon** telah menduduki peperiksaan tersebut. Dan, pada hari ini, seramai **tiga ratus tujuh puluh lima (375) calon** yang berjaya akan diraikan dalam Majlis

Konvokesyen ini. Tahniah diucapkan kepada semua calon yang berjaya ini!

Bagi meraih Sijil Amalan Guaman tersebut, semua calon telah lulus lima subjek yang menjadi asas amalan undang-undang. Ini adalah Amalan Profesional, Prosedur Jenayah, Prosedur Sivil, Undang-undang Keterangan dan Kertas Am. Kurikulum ini sememangnya mencabar – bukan untuk mengagalkan calon tetapi untuk memastikan yang asas secukupnya diberi dari sudut praktikal undang-undang. Sebagai kurikulum bagi suatu kelulusan tahap sarjana (*post-graduate*) serta profesional, ia harus mempersiap bakal peguam untuk memberi khidmat dan nasihat guaman yang mantap, tepat, beretika dan berintegriti.

Sekiranya bilangan kelulusan tahunan dianalisa, jelas bahawa migrasi daripada set minda seorang pelajar undang-undang kepada seorang pengamal undang-undang bukan mudah. Hakikatnya adalah bahawa amalan undang-undang

bukan suatu kemahiran yang boleh dikuasai semata-mata secara teori sahaja.

Sebagaimana yang diperkatakan oleh pengamal undang-undang, “*Medicine is a difficult field to study but easy to practice. Law is easy to study but difficult to practice.*”

Tuan-tuan dan Puan–puan yang dihormati,

Selain itu, berdasarkan kajian dan maklum balas daripada pemeriksa kertas amalan guaman, kelemahan ketara calon adalah penguasaan teknik mengaplikasi pengetahuan perundangan kepada soalan yang dikemukakan. Contohnya, calon hanya menyatakan undang-undang terpakai tanpa menerangkan pemakaiannya. Oleh itu sebagai suatu langkah untuk membantu persediaan calon, Lembaga Kelayakan dengan kerjasama Jabatan Peguam Negara telah merancang

seminar penerangan bagi mendedahkan calon kepada teknik menguasai kemahiran mengaplikasikan undang-undang.

Saudara saudari Lulusan Sijil Amalan Guaman,

Sebagai peguam, andalah bakal tonggak untuk menegakkan keadilan bagi masyarakat majmuk. Saya amat berharap agar segala ilmu dan pengetahuan yang telah diperoleh daripada pengajian undang-undang sekian lama dapat membentuk pengamal undang-undang yang berdikari, berfikiran analitikal dan kritikal, serta beretika, berintegriti dan bertanggungjawab. Janganlah sekadar mengejar kekayaan dan jalan mudah tanpa mengira kos dan akibat. Hargai bahawa adalah keistimewaan (*privilege*) setiap peguam bela dan peguam cara untuk membantu mahkamah mencapai keadilan dalam setiap kes yang dikendalikan dengan menegakkan hukum undang-undang (*rule of law*). Bagi maksud itu, Perlembagaan Persekutuan harus difahami secara mendalam dan peruntukannya didahulukan kerana di dalam

Perlembagaan itulah terteri “*basic ideals*” yang harus bersemadi dalam sanubari setiap warga Malaysia.

Menurut Lord Denning *“If we never do anything which has not been done before, we shall never get anywhere. The law will stand still while the rest of the world goes on, and that will be bad for both”*. Undang-undang merupakan satu cabang ilmu yang sentiasa berubah mengikut peredaran zaman dan keperluan masyarakat. Sayugia itu, Para Lulusan hendaklah terus berusaha untuk mendalami ilmu, mengejar kemahiran dan mencapai kepakaran dalam bidang undang-undang yang dipilih kelak.

Selanjutnya, seorang pengamal undang-undang perlu sentiasa peka akan perkembangan semasa dan bersedia menyahut cabaran tersebut. Ini termasuklah peluang dan cabaran daripada liberalisasi perkhidmatan undang-undang di Malaysia. Kemasukan peguam pakar asing dan firma antarabangsa yang mempunyai pengkhususan dalam bidang

undang-undang tertentu merupakan peluang keemasan untuk Para Lulusan memperkasakan pengetahuan dan kemahiran.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

Peguam lazim dianggap antara peneraju masyarakat yang disegani dan diteladani. Satu aspek tanggungjawab peguam yang perlu ditekankan adalah untuk berdebat secara ilmiah, menyampaikan maklumat secara tepat dan telus, dan khususnya tidak membuat kenyataan yang tidak berasas secara melulu. Peguam harus bertindak selepas menyemak fakta. Tindakan yang diambil juga semestinya hendaklah mengikut undang-undang.

Sebagai seorang peguam, perbincangan dan perbahasan haruslah dibuat melalui platform yang sesuai – bukan sekadar melontar tomahan tidak puas hati melalui media sosial. Pandangan dan pendirian sepatutnya dimajukan secara

matang dan intelektual tanpa dipengaruhi oleh emosi dan perasaan berat sebelah.

Janganlah Para Lulusan kelak disamakan dengan orang yang diumpamakan oleh ahli politik dan falsafah terkenal Thomas Paine yang berkata, “*To argue with a person who has renounced the use of reason is like administering a medicine to the dead*”.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Saya juga ingin menyeru kepada Para Lulusan pada hari ini agar bergerak aktif dalam khidmat kemasyarakatan. Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan, yang juga dikenali sebagai YBGK, telah bermula operasi secara aktif sejak April 2012 setelah diperbadankan pada 25 Januari 2011. Tertakluk kepada beberapa syarat-syarat, Yayasan ini memberi perkhidmatan bantuan dan nasihat guaman percuma kepada

warganegara Malaysia yang kurang berkemampuan bagi kes tangkapan, reman, pertuduhan, jaminan, mitigasi, perbicaraan dan rayuan.

Selaku Pengerusi bersama Yayasan tersebut, saya sangat berbangga dengan peguam yang terlibat dalam menyumbang kepada kejayaan YBGK secara sukarela dengan ganjaran yang minimum.

Jumlah pengamal undang-undang yang menjadi ahli panel YBGK membuktikan ramai peguam yang bersedia untuk berkhidmat demi menegakkan keadilan tanpa mengharapkan imbuhan. Ini merupakan suatu perkembangan yang amat menggalakkan. Oleh yang demikian, saya berharap Para Lulusan juga akan terpanggil untuk merebut peluang ini dan menyumbang kepada masyarakat setelah bergelar pengamal undang-undang kelak.



Tuan-tuan dan Puan-puan,

Bagi pihak semua Ahli Lembaga Kelayakan, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Yang Arif Tan Sri Abdull Hamid Embong dan Yang Arif Datuk Zainun Ali di atas segala sumbangan mereka semasa menjadi ahli Lembaga. Hanya Allah Subhanahu Wa Taala yang dapat membalasnya.

Seterusnya, saya ingin mengalu-alukan pelantikan Ahli Lembaga yang baru iaitu Yang Arif Tan Sri Ahmad bin Haji Maarop dan Yang Arif Tan Sri Haji Mohamed Apandi bin Haji Ali. Saya percaya mereka akan memberikan sumbangan yang terbaik dalam menjalankan fungsi Lembaga Kelayakan.

Penghargaan tidak terhingga juga saya ucapkan kepada Encik Christopher Leong Sau Foo, yang telah memberi laluan kepada Presiden Majlis Peguam yang baru dipilih pada 14 Mac 2015, untuk menjadi Ahli Lembaga Kelayakan. Selama 2 tahun beliau berkhidmat sebagai Ahli Lembaga, Encik Christopher sentiasa komited dalam menjalankan tugas beliau dan tidak pernah jemu menyumbangkan idea dan pandangan yang bernalas selaku Ahli Lembaga Kelayakan ini.

Saya, mewakili Lembaga Kelayakan, turut ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada semua Lulusan Peperiksaan Sijil Amalan Guaman 2014 atas kejayaan anda. Saya percaya kejayaan yang anda kecapi hari ini adalah atas hasil usaha dan kerja keras saudara saudari. Selain itu, tahniah juga diucapkan kepada ibu bapa dan ahli keluarga Para Lulusan kerana tanpa pengorbanan dan sokongan anda, mungkin kejayaan ini tidak dapat dicapai.

Kepada Para Lulusan, hargailah jasa dan pengorbanan ibu bapa dan keluarga anda.

Sebagai pengerusi Lembaga Kelayakan, izinkan saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Yayasan Tun Abdul Hamid Omar, Badan Kehakiman, Majlis Peguam Malaysia dan Dekan-Dekan Fakulti Undang-Undang serta Pemberi Pendidikan Tinggi Awam dan Swasta yang sudi memberikan sumbangan kepada Majlis Konvokesyen ini. Ucapan tahniah juga kepada Encik Steven Thiru di atas pelantikan beliau sebagai Pengerusi Majlis Peguam Malaysia.

Sekali lagi patik bagi pihak Ahli-ahli Lembaga Kelayakan dan semua yang hadir menjunjung kasih dan merakamkan penghargaan yang tidak terhingga ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang telah berkenan berangkat ke Majlis ini. Ampun Tuanku.

Sekian, Assalamualaikum Warahmatullahi Warabakatuh dan  
salam sejahtera.

---